

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KECENDERUNGAN MEMORI
DALAM TEKNIK HAFAZAN
AL-QURAN BERDASARKAN
GENDER: KAJIAN DI MAAHAD
INTEGRASI TAHFIZ SELANGOR
(MITS) KLANG**

FAKHRUR RIDZA BIN MUSLIM

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Januari 2024

ABSTRAK

Hafazan al-Quran merupakan aktiviti pembacaan al-Quran secara konsisten dan berperingkat sehingga murid tahniz mampu mengingati dan membacanya tanpa melihat kepada mushaf. Hafazan al-Quran juga merupakan proses yang digunakan untuk menyimpan ayat al-Quran di dalam memori. Terdapat pelbagai teknik yang dijangka dapat membantu murid tahniz dalam proses hafazan. Walau bagaimanapun, pengamalan teknik hafazan al-Quran perlu dikaji menerusi kategori gender berdasarkan kecenderungan memori murid tahniz tersebut. Kajian ini memfokuskan untuk mengenal pasti dan membandingkan teknik hafazan al-Quran yang diamalkan murid serta kecenderungan memori dalam teknik hafazan al-Quran yang diamalkan murid tahniz di MITS Klang. Kajian ini dijalankan di MITS Klang dengan menggunakan pendekatan tinjauan. Murid tahniz di MITS Klang terlibat sebagai responden ($n=192$). Data dikumpul menggunakan set soal selidik sebagai instrumen dan dianalisis menggunakan perisian komputer IBM SPSS Statistics. Hasil kajian mendapati bahawa murid tahniz lelaki cenderung menggunakan teknik “menghafaz dengan memilih waktu yang sesuai (C9)” (85.3 peratus, $n=81$). Manakala murid tahniz perempuan pula didapati lebih cenderung mengamalkan teknik “mengulang dengan melihat dan tanpa melihat ayat (C2)” (94.8 peratus, $n=92$). Bagi hasil kajian kecenderungan memori dalam kalangan murid tahniz mengikut gender, ujian Friedman mendapati perbezaan signifikan pada hasil analisis murid tahniz lelaki mendapati “sistem memori visual” (mean rank: 2.56) lebih tinggi berbanding “sistem memori semantik” (mean rank: 1.98) dan “sistem memori episodik” (mean rank: 1.45) dengan $\chi^2(2)=59.08 \rho=.000$. Manakala hasil analisis murid tahniz perempuan mendapati “sistem memori visual” (mean rank: 2.43) lebih tinggi berbanding “sistem memori semantik” (mean rank: 2.15) dan “sistem memori episodik” (mean rank: 1.42) dengan $\chi^2(2)=53.21 \rho=.000$. Kajian ini juga mendapati pembangunan sebuah kerangka pola kecenderungan memori dalam teknik hafazan terhadap pencapaian hafazan murid tahniz. Kesimpulannya, kajian ini mendapati kecenderungan memori berdasarkan teknik hafazan mengikut gender yang tepat dijangka dapat mengukuhkan hafazan al-Quran. Kajian ini juga mendapati pemilihan responden murid tahniz daripada institusi tahniz profesional yang lain dijalankan dalam kajian akan datang bagi mengenal pasti kecenderungan memori dalam teknik hafazan yang diamalkan berdasarkan gender.

Kata Kunci: Memori, Gender, Teknik Hafazan, Pencapaian Hafazan, Al-Quran, Tahniz

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, keajaiban tawakal kepada Allah SWT, penulisan tesis ini dapat disempurnakan, selawat dan salam atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Tanda kasih sayang Allah SWT kepada baginda SAW dengan menganugerahkan mukjizat teragung iaitu al-Quran. Lalu al-Quran ini disampaikan kepada umatnya untuk dibaca dan dihayati. Mukjizat al-Quran telah dijanjikan oleh Allah SWT akan dipelihara sehingga ke hari kiamat. Nabi Muhammad SAW juga menjadi sumber utama inspirasi dan contoh adab kepada para ahli al-Quran khususnya para penghafaz al-Quran untuk meneliti hikmahnya.

Di kesempatan ini, penyelidik ingin mengucapkan setinggi penghargaan buat guru-guru yang mencurahkan bakti kepada diri ini, iaitu Dr. Mohd Amzari bin Tumiran (penyelia utama) dan Dr. Mohd Zahirwan Halim bin Zainal Abidin (penyelia bersama). Penyelidik juga ingin memohon maaf dan penghargaan atas ilmu daripada semua pensyarah dan guru yang terlibat dalam menyiapkan tesis ini. Semoga Allah SWT memberi rahmat kepada guru-guru ini. Amin. Penyelidik turut merakamkan terima kasih berpanjangan buat ayahanda dan bonda yang memanjatkan doa dan sokongan moral kepada diri ini tanpa henti, iaitu En. Muslim bin Hassan dan ~~.....~~. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA yang memberi sokongan kepada penyelidik sepanjang tempoh pengajian dalam bentuk galakan dan insentif. Penghargaan terima kasih juga kepada Jabatan Agama Islam Selangor dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Klang yang memberi sokongan dalam kerja lapangan dan memudahkan proses mendapatkan data.

Sesungguhnya, penghasilan kajian ini amat mengajar diri bahawa setiap detik perjalanan yang dilalui berada dalam pengetahuan Allah SWT, dan mendidik diri erti kesabaran, pengorbanan, keredaan, keikhlasan, tawakal dalam kembara ilmu, nilai kekeluargaan adalah sesuatu yang amat berharga dalam menempuh perjalanan kehidupan yang penuh rintangan. Semoga Allah SWT mengurniakan sifat istiqamah dalam mengumpul saham-saham akhirat dengan memartabatkan al-Quran sebagai sumber kehidupan di samping menjunjung ilmu sebagai landasan amal.

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SIMBOL/ KEPENDEKAN	xii
JADUAL TRANSLITERASI	xv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Kerangka Teori	9
1.7 Kerangka Teoretikal	11
1.7.1 Teknik Hafazan Al-Quran	11
1.7.2 Sistem memori	23
1.8 Kerangka Konseptual	33
1.9 Limitasi Kajian	34
1.10 Signifikan Kajian	36
1.11 Definisi Operasi	37
1.12 Definisi Istilah	38
1.13 Sejarah Penubuhan Institusi Tahfiz di Malaysia	40
1.14 Sejarah Penubuhan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Klang	41

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Al-Quran adalah satu rujukan yang terpenting dalam kehidupan umat Islam. Penerapan nilai-nilai al-Quran adalah mustahak dalam diri masyarakat Islam yang meyakini segala kehidupan dalam alam ini adalah milik Allah SWT (Meerangani et al., 2021). Al-Quran juga merupakan sebuah kitab petunjuk kepada manusia dalam membina masyarakat yang bertakwa dan adil berasaskan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan, bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sompong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Daud & Musa, 2021). Selain itu, manusia merupakan khalifah di muka bumi ini yang dipertanggungjawabkan dengan amanah yang perlu dilaksanakan. Justeru itu, matlamat utama pendidikan al-Quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan mengikuti segala titah perintahnya. Seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya:

Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku

(Al-Zariyat 51:56)

Ironinya, matlamat pendidikan al-Quran juga meliputi peranan menjadi manusia yang bertamadun, beriman dan beramal dengan ilmunya serta mampu memikul tanggungjawab membangunkan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Pembentukan pendidikan al-Quran memberi implikasi terhadap jasmani, rohani, emosi dan intelektual individu, berasaskan daripada prinsip Islam yang dipetik daripada al-Quran dan al-Sunnah (Hussin et al, 2020). Penciptaan manusia sebagai pemimpin kepada makhluk-makhluk yang lain seperti firman Allah SWT: